

/Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Pendaftaran suntikan mula Isnin

Maklumat penerimaan vaksin dimuat naik dalam aplikasi MySejahtera

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Permohonan pendaftaran menyertai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) akan dibuat menerusi beberapa kaedah dan dijangka dibuka kepada umum bermula Isnin depan.

Kaedah pendaftaran menyertai PICK boleh dibuat menerusi aplikasi MySejahtera, fasiliti kemudahan kesihatan kerajaan, laman sesawang www.vaksinco-

vid.gov.my dan *hotline* yang akan diumumkan kemudian.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Mohamed @ Hashim, berkata tarikh, masa dan lokasi sesuai bagi setiap penerima ditetapkan menerusi telefon, surat dan kaedah lain bersesuaian.

"Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) ada membangkitkan isu berkenaan scammer dan perjalanan mengenainya, termasuk tindakan akan diuruskan Kement-

rian Komunikasi dan Multimedia.

"Sejarah suntikan vaksin dos pertama dan kedua penerima akan dimuat naik dalam aplikasi MySejahtera, manakala *hotline* bagi pendaftaran menyertai PICK dijangka dilancarkan sebelum Fasa II program berkenaan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Kelmarin, sejumlah 312,390 dos vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech tiba di Malaysia dan dihantar ke 16 pusat simpanan vaksin, masing-masing enam di Selangor, manakala empat di Johor, Kuala Lumpur (tiga), Pulau Pinang (dua) dan Putrajaya (satu).

Selepas mendapat tarikh temu



Ahmad Amzad Mohamed

janji, Ahmad Amzad berkata, penerima perlu hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) ditetapkan bagi menjalani konsultasi dan mengisi borang kebenaran, sebelum menerima suntikan serta pengesahan penerimaan vaksin.

"Mereka perlu mengimbas suhu, kod QR dan menyemak identiti, selain menjalani pemerhatian kira-kira 30 minit selepas suntikan dan menerima kad vaksin.

"Kesan berlawanan susulan imunisasi (AEFI) vaksin dipantau dalam tempoh sebelum penerima mendapatkan suntikan bagi dos kedua vaksin dengan kitaran sama digunakan bagi proses berikutnya," katanya.